



Ruj. Kami : PKP(S)124-1/28 JLD. 4( 17 )  
Tarikh : 14 Februari 2017  
17 Jamadilawal 1438H

Semua Ketua Jabatan Persekutuan, Sarawak

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan, Sarawak

Semua Ketua Jabatan Negeri, Sarawak  
(Yang Mengurus Peruntukan Persekutuan)

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri, Sarawak  
(Yang Mengurus Peruntukan Persekutuan)

YB. Tan Sri Datuk Amar/Y.Bhg. Datuk/Datu/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KONTRAK  
PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK BILANGAN 1 TAHUN 2017**

**PENYELARASAN ITEM YANG DIGUGURKAN DARIPADA SENARAI  
KONTRAK PUSAT PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK**

**PENDAHULUAN**

Sukacita saya dengan hormatnya menarik perhatian YB. Tan Sri Datuk Amar/Y.Bhg. Datuk/Datu/Dato'/Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas dan sebagaimana YB. Tan Sri Datuk Amar/Y.Bhg. Datuk/Datu/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Perbendaharaan Malaysia Sarawak (PMS) bertanggungjawab ke atas pelaksanaan dan pemantauan Kontrak Pusat di Negeri Sarawak.

2. Untuk makluman YB. Tan Sri Datuk Amar/Y.Bhg. Datuk/Datu/Dato'/Tuan/Puan, Mesyuarat Lembaga Perolehan Persekutuan Sarawak (MLPP) Bil. 2 bertarikh 6 Februari 2017 telah bersetuju untuk menyelaras semula Item Kontrak Pusat PMS.

3. Item yang digugurkan daripada senarai kontrak pusat dan tidak dilanjutkan kontrak setelah tamat tempoh kontrak ialah **Kontrak Pusat Bagi Membuat, Membekal dan Menghantar Kasut Kulit Dan Aksesori Kepada Jabatan Persekutuan Dan Badan Berkanun Persekutuan Di Sarawak - Syarikat Red Profile Sdn. Bhd.**

**SURAT PEKELILING KONTRAK  
PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK**

**PENYELARASAN ITEM YANG DIGUGURKAN DARIPADA SENARAI  
KONTRAK PUSAT PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK**

4. Sehubungan dengan itu, pihak YB. Tan Sri Datuk Amar/Y.Bhg. Datuk/Datu/Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon untuk mengambil maklum mengenai pengguguran item kasut bagi tujuan perancangan perolehan pada masa akan datang.

5. Pihak YB. Tan Sri Datuk Amar/Y.Bhg. Datuk/Datu/Dato'/Tuan/Puan adalah dinasihatkan untuk **melaksanakan perolehan bagi item kasut berdasarkan tatacara perolehan serta peraturan kewangan semasa yang sedang berkuatkuasa.** Pihak YB. Tan Sri Datuk Amar/Y.Bhg. Datuk/Datu/Dato'/Tuan/Puan dipohon untuk merujuk **1 Pekeliling Perbendaharaan - PK 2.1** sebelum melaksanakan sebarang perolehan.

6. Kerjasama dari semua Jabatan/Agensi diharap dapat mengambil maklum akan pengguguran ini dan sekiranya terdapat sebarang kemusyikilan atau masalah, pihak YB. Tan Sri Datuk Amar/Y.Bhg. Datuk/Datu/Dato'/Tuan/Puan boleh menghubungi terus PMS seperti di alamat di atas atau melalui telefon no. 082-421333 dan emel:-

- (i) Dayang Arfahiza Binti Abang Junaidi - Sambungan 500  
Emel: [arfahiza.junaidi@treasury.gov.my](mailto:arfahiza.junaidi@treasury.gov.my)
- (ii) Puan Krismawati Binti Esen - Sambungan 502  
Emel: [krismawati.esen@treasury.gov.my](mailto:krismawati.esen@treasury.gov.my)
- (iii) Unit Perolehan - Sambungan 502

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(MOHD SAIFUL SUNGKIH BIN ABDULLAH)**

Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak  
Perbendaharaan Malaysia Sarawak